

18 JUN 2002

Mercy-Palestin/I

MERCY MALAYSIA MINTA SOKONGAN K'JAAN UNTUK JALANKAN MISI KE PALESTINE

PETALING JAYA, 18 Jun (Bernama) -- Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) memohon sokongan kerajaan bagi membolehkan persatuan itu menghantar pasukan bantuan kemanusiaan ke kem-kem pelarian di Palestin.

Presiden Mercy Datuk Dr Jemima Mahmood berkata memandangkan semua pintu masuk ke wilayah di Palestin dikawal oleh tentera Israel, mereka berharap Wisma Putra boleh mencari bagi membolehkan pasukan itu beroperasi dengan selamat di sana.

Beliau berkata Mercy Malaysia mahu menemui bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan isu itu.

Dr Jemima berkata misi ke Palestin itu adalah ekoran termeterainya memorandum persefahaman (MoU) antara Mercy dan Persatuan Bulan Sabit Merah Qatar (QRCS).

"QRCS sudah beroperasi di Palestin dan mempelawa Mercy Malaysia menyertai program itu dan kami sudah bersetuju untuk menjadi rakan," katanya.

Mengenai misi persatuan itu ke Afganistan, Dr Jemima berkata Mercy Malaysia tidak berhasrat keluar dari negara itu walaupun berlaku krisis antara India dan Pakistan.

Beliau berkata pada masa ini Mercy Malaysia menjalankan perkhidmatan di sebuah hospital di Spin Boldak, di selatan Afganistan serta mengurus unit Obstetrik dan Ginekologi di Hospital Kandahar Mirwais.

Setakat ini, Mercy Malaysia telah menghantar 16 pasukan bantuan perubatan dan kemanusiaan ke Afganistan sejak Oktober lepas.

Dr Jemina juga berkata Mercy Malaysia akan menganjurkan simposium antarabangsa mengenai bantuan perubatan dan kemanusiaan pada 4 Julai.

Simposium sehari itu akan mengumpulkan para doktor dan profesional daripada organisasi bantuan dari pelbagai negara bagi membolehkan mereka berkongsi pengalaman dan mengemukakan cadangan mengenai bantuan perubatan dan kemanusiaan yang lebih berkesan di seluruh dunia, katanya.

-- BERNAMA

SNS AKT LAT